

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

AOP402: Pengurusan Perbandingan

Tarikh: 8 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan semuanya. Bahagian A adalah wajib. Jawab SATU soalan daripada tiap-tiap bahagian B, C dan D. Setiap soalan bernilai 25 markah.

BAHAGIAN A

1. Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh sesebuah Syarikat yang ingin memulakan operasi antarabangsanya?

(25 markah)

BAHAGIAN B

2. Malaysia memerlukan pelaburan-pelaburan asing untuk pembangunan negara. Pelaburan-pelaburan ini boleh disalurkan melalui beberapa cara. Jelaskan cara-cara dan alasan-alasan mengenai kepentingan pelaburan cara ini.

(25 markah)

3. Perancangan dan perlaksanaan strategi sektor awam ditentukan oleh berbagai pihak dan ini agak berbeza dengan perancangan di sektor swasta. Bincangkan kenyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN C

4. W. Ouchi telah mengenalkan satu teori pengurusan yang baru, apakah keutamaan teori itu dan kaitannya dengan perkembangan perniagaan antarabangsa negara Jepun.

(25 markah)

5. Bandingkan cara-cara pengawalan dan penyelarasan yang diguna oleh firma-firma perusahaan antarabangsa Jepun dan firma-firma perusahaan antarabangsa Amerika Syarikat.

(25 markah)

BAHAGIAN D

6. Bagaimana dan sejauhmanakah budaya korporat dan budaya nasional mempengaruhi gaya pengurusan di sesebuah organisasi besar tempatan/antarabangsa. Berikan contoh sebuah organisasi dan gaya pengurusannya.

(25 markah)

7. Perkembangan pengurusan sumber manusia dalam tahun 80an menunjukkan betapa pentingnya aspek kemanusiaan dalam pengurusan sesebuah organisasi awam dan swasta. Jelaskan dengan terperinci maksud pengurusan sumber manusia dan sumbangannya kepada organisasi. Berikan contoh-contoh amalan pengurusan sumber manusia.

(25 markah)

8. Jelaskan kesan sejarah politik dan sosial tanahair kepada pengurusan Perusahaan Awam di Malaysia.

(25 markah)